

PDTHS siasat punca kebakaran



Ahmad Suaidi (tengah) meninjau operasi pemadaman di kawasan kebakaran.

BUKIT TAGAR - Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor (PDTHS) sedang menyiasat punca sebenar kebakaran belukar seluas lebih 20 hektar berdekatan Hutan Simpan Bukit Belatar di Felda Sungai Tengi.

Pegawai Daerah Hulu Selangor, Ahmad Suaidi Abdul Rahim berkata, kemungkinan awal tanah milik sebuah syarikat itu diceroboh dan dibersihkan untuk tujuan pertanian.

"Kita sedang kenal pasti punca sebenar kebakaran ini.

"Kita nak minta Jabatan Perhutanan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat buat siasatan kerana perkara ini boleh menyebabkan hutan simpan kita terbakar kalau tak dibuat pemantauan dan kawalan," katanya selepas melawat operasi pemadaman kebakaran tersebut.

Beliau yang juga Pengerusi Bencana Alam Daerah Hulu Selangor berkata, terdapat pasukan khas diwujudkan melibatkan bebe-

rapa agensi penguat kuasa dan penyelamat untuk membuat pemantauan termasuk operasi pemadaman.

Katanya, pasukan tersebut bertindak pantas mengawal kebakaran yang berlaku sejak 24 Julai lalu itu dan berharap ia dapat dipadamkan sepenuhnya dalam tempoh seminggu lagi.

"Kita pun sudah ingatkan tuan tanah supaya jaga tanah mereka sama ada buat parit atau pagar supaya tak diceroboh.

"Tuan tanah juga kena ambil usaha untuk jaga supaya tak diceroboh sebab ia berhampiran dengan hutan simpan," katanya.

Dalam pada itu, pada lawatan itu Ahmad Suaidi turut menyampaikan suguhati dan duit raya kepada petugas yang terlibat dalam operasi tersebut.

Beliau melahirkan penghargaan kerana komitmen ditunjukkan membolehkan keadaan dikawal sebaiknya.